

30 OCT 2003

KERAJAAN-KERETAPI/I

KERAJAAN MASIH KAJI PROJEK LANDASAN KERETAPI

KUALA LUMPUR, 30 Okt (Bernama) -- Kerajaan masih mengkaji sama ada projek landasan rel berkembar dari Ipoh ke Padang Besar dan dari Seremban ke Johor Bahru perlu terus kekal sebagai inisiatif kerajaan kepada kerajaan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

"Perkara itu sedang dikaji ketika ini," katanya kepada sidang media selepas membentangkan laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan di Dewan Rakyat, di sini.

Pada 2001, kerajaan telah memberikan surat hasrat kepada Indian Railway Construction Co (Ircon) dan China Expressway Engineering Corporation (CREC), bagaimanapun minggu lalu ia telah memberikan surat anugerah kepada usaha sama Gamuda-MMC untuk melaksanakan projek bernilai RM14.45 bilion itu.

Ircon dan CREC pada awalnya menyerahkan bidaan berjumlah RM42 bilion tetapi beberapa minggu lalu telah mengurangkan anggaran harga kepada kira-kira RM19 bilion berikutan permintaan daripada kerajaan Malaysia.

Dalam surat anugerah kepada Gamuda-MMC, Ircon International Ltd dan DRB-HICOM/EMRAIL ditawarkan hak menolak untuk dilantik sebagai sub-kontraktor bagi kerja-kerja awam di bahagian utara, manakala China Engineering Railway Corp dan DRB-HICOM Hikmat Asia diberikan hak yang sama bagi bahagian selatan.

Dr Mahathir berkata walaupun jika projek itu diteruskan sebagai inisiatif kerajaan kepada kerajaan, tiada alasan mengapa sektor swasta tidak boleh menyertainya.

India telah membangkitkan isu berkaitan kegagalan Ircon memperolehi projek tersebut menerusi Pesuruhjaya Tingginya ke Malaysia, Veena Sikri, yang melahirkan kebimbangan New Delhi terhadap isu itu.

Apabila diminta mengulas bahawa kerajaan India melahirkan rasa tidak puas hati berhubung perkara itu, Perdana Menteri berkata kerajaan India masih boleh membuat bidaan dengan syarat mereka menurunkan harga hingga ke paras kontraktor tempatan sanggup untuk mengusahakan projek itu.

"Kita tidak boleh menawarkan kepada orang luar harga pada yang lebih tinggi kalau kita tidak bersedia memberikan kepada orang tempatan yang menawarkan harga yang lebih rendah. Ia akan membazirkan wang kerajaan," katanya.

Apabila diminta mengulas mengenai khabar angin bahawa kerajaan India mula bertindak balas dengan mengurangkan import minyak sawit Malaysia, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak mahu komen khabar angin."

Mengenai sama ada rancangan kerajaan untuk tidak berunding dalam kontrak kerajaan juga akan turut diguna pakai dalam rancangan penswastaan KTMB, beliau berkata penswastaan adalah kepada semua yang mempunyai cadangan yang baik."

Penswastaan KTMB membentuk sebahagian daripada projek usaha sama MMC dan Gamuda dan mereka kini masih berunding dengan Kerajaan.

Mereka telah bercadang untuk menyuntik modal RM1 bilion ke dalam KTMB sekiranya mereka mendapat niaga janji itu. -- BERNAMA

MAD KTC ZK